

17/12/2001

Tiada cadangan awalkan pilihan raya: Dr Mahathir (HL)

Kadir Dikoh; Magendran Rajagopal

PUTRAJAYA, Ahad - Kerajaan Barisan Nasional (BN) tidak akan mengadakan pilihan raya umum lebih awal semata-mata kerana berada dalam kedudukan selesa untuk menang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata BN tidak pernah berbuat demikian kerana menyifatkan pilihan raya sesuatu yang serius dan bukan 'suatu permainan'.

"Kita anggap pilihan raya sangat serius, kita tidak mengadakan pilihan raya semata-mata kerana kita berada dalam kedudukan untuk menang. Pada 1999, apabila kita mempunyai pelbagai masalah, kita masih mengadakan pilihan raya umum," katanya kepada pemberita selepas mengadakan rumah terbuka Aidilfitri di Seri Perdana di sini, hari ini.

Kira-kira 50,000 orang daripada pelbagai kaum dan peringkat umur, termasuk pelancongan asing berbaris beratus meter mulai jam 9 pagi hingga 6 petang untuk bersalaman dengan Dr Mahathir dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Ketika ditanya kemungkinan pilihan raya umum diadakan lebih awal walaupun tempoh pemerintahan hanya berakhir pada 2004, Perdana Menteri berkata, pilihan raya bukan 'suatu permainan'.

Ditanya lagi apakah pilihan raya mungkin diadakan seawal tahun depan atau 2003, Dr Mahathir yang juga Pengerusi BN berkata: "Saya tidak tahu, saya tidak tahu. Ia bergantung...saya tidak tahu."

Khobar angin tersebar luas mengenai kemungkinan pilihan raya umum diadakan lebih awal setelah Belanjawan 2002 dibentangkan Oktober lalu yang memberi banyak insentif kepada golongan berpendapatan rendah dan kenaikan gaji 10 peratus bagi kakitangan kerajaan.

Ini diperkuatkan lagi dengan keputusan Parti Bersatu Sabah (PBS) untuk kembali ke pangkuan BN, baru-baru ini.

Kelmarin, Pengerusi DAP, Lim Kit Siang mendakwa pemimpin BN mengeksploitasi serangan penganas ke atas Amerika Syarikat pada 11 September lalu untuk kepentingan politiknya dan menimbulkan kebimbangan mengenai pembentukan negara Islam oleh Pas.

Dr Mahathir menolak dakwaan pembangkang yang disifatkan cuba menimbulkan kekeliruan.

"Saya tidak faham mereka. Di satu pihak, mereka kata keadaan di negara ini amat buruk, ekonomi tidak kukuh...jika ekonomi tidak baik, kenapa kerajaan hendak adakan pilihan raya.

"Jadi, apakah mereka mengakui keadaan (ekonomi) negara kita baik dan bukan seperti yang mereka kata? Saya tidak faham kedudukan mereka (pembangkang). Mereka ingat pilihan raya sebagai satu permainan," katanya.

Sementara itu, mengulas cadangan Petronas mengambil alih Litar Formula Satu (F1) di Sepang daripada Malaysia Airports Holdings Bhd (MAHB), beliau berkata, ia bagi membolehkannya menumpukan perniagaan teras iaitu pengendalian lapangan terbang.

Sambil menafikan cadangan Petronas itu untuk menyelamatkan MAHB, Perdana Menteri berkata, kerajaan mahu melihat Litar F1 bernilai RM286 juta itu diuruskan dengan baik dan penggunaannya dioptimumkan.

"Tiada langkah menyelamat, tetapi kita tahu orang yang berminat menyertai MAHB (syarikat asing) tidak mahu mempunyai benda lain daripada perniagaan teras iaitu lapangan terbang," katanya.

Sebuah syarikat dari Belanda, Schipol Group, yang mengendalikan Lapangan Terbang Amsterdam sedang berbincang dengan MAHB, pengendali lapangan

terbang di negara ini, untuk membeli 30 peratus kepentingan dalam MAHB.

Baru-baru ini, Presiden yang juga Ketua Eksekutif Petronas, Tan Sri Mohd Hassan Marican, menyatakan pihaknya berunding dengan MAHB bagi mengambil alih litar itu daripada Sepang International Circuit Sdn Bhd (SIC), anak syarikat MAHB, untuk memajukan industri sukan permotoran di negara ini.

Dr Mahathir berkata, Litar F1 Sepang bukan perniagaan teras MAHB dan syarikat asing (yang mahu melabur dalam MAHB) hanya mahu perniagaan teras lapangan terbang, bukan perniagaan lain dan litar itu bukan sebahagian daripada lapangan terbang.

Ditanya sama ada Petronas mampu mengendalikan Litar F1 itu, beliau berkata: "Mungkin mereka boleh, mungkin mereka tidak...saya tidak tahu".

Mengenai pertemuannya selama 10 minit dengan Ketua Pemuda MCA, Datuk Ong Tee Kiat di Lapangan Terbang Jitra, Kedah Jumaat lalu, Dr Mahathir berkata, Timbalan Menteri Belia dan Sukan itu memberi jaminan kepadanya beliau (Ong) berusaha untuk menyelesaikan masalah dalaman parti itu secara baik.

(END)